



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2019/02/13 (HQ)

MAEVI JALIN KERJASAMA STRATEGIK BERSAMA TAN & TAN DEVELOPMENT, PROTASCO DEVELOPMENT BERHAD DAN DIVERSIFED GATEWAY BERHAD (DGB) UNTUK SISTEM PENGURUSAN TENAGA DAN PROJEK RUMAH PINTAR

Tenaga Nasional Berhad (TNB) terus memberikan perkhidmatan penggunaan elektrik yang bijak untuk premis pengguna di Malaysia dengan yang terbaharu menerusi kerjasama strategik yang dijalin anak syarikatnya bersama tiga buah syarikat tersenarai di Bursa Malaysia.

Anak syarikat milik penuh TNB, TNB Energy Services (TNBES), menerusi anak syarikatnya Maevi Sdn Bhd (Maevi) baru-baru ini, menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) bersama dua syarikat berkaitan hartanah iaitu Protasco Development Berhad dan Tan & Tan Development Bhd serta syarikat perunding perisian dan kejuruteraan, Diversifed Gateway Berhad (DGB) sebagai rakan strategik bagi sistem pengurusan tenaga dan projek rumah pintar (*smart home*).

MoU bersama Protasco adalah bagi membekal dan memasang perkhidmatan rumah pintar Maevi, untuk projek pembangunan perumahan, manakala Mou bersama Tan & Tan Development Bhd pula bagi menjalin kerjasama pintar bagi kecekapan pengurusan dan pemantauan aset IGB Berhad.

Untuk MoU bersama DGB, ianya bagi kerjasama meneroka pasaran pengurusan tenaga melalui program pengedaran bersama.

Perjanjian MoU ditandatangani Ketua Pegawai Eksekutif, Maevi Sdn Bhd, Izham Ismail bersama Pengarah Eksekutif Protasco Development Bhd, Edward Khoo, Pengarah Syarikat Tan & Tan Development Bhd, Tan Yee Seng dan Pengarah Eksekutif DGB, Robin Lim. Ia disaksikan Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Wira Dr Mohd Hatta Md. Ramli, dan Pengarah Urusan TNBES, Dr. Ir. Ahmad Jaafar Abd Hamid.

Di majlis sama, Maevi turut melancarkan inovasi terbaharu dalam aplikasi sistem pengurusan tenaga pintar bagi bangunan perindustrian dan komersial. Maevi-B, yang

S.A. 2019/02/13 (HQ)

mampu melakukan pemantauan tenaga secara langsung, menganalisa secara terperinci & teknikal dan menyediakan tips-tips berdasarkan data yang dijana bagi pengguna mendapatkan penjimatan sehingga 40 peratus penggunaan tenaga elektrik. Produk terbabit disasarkan kepada pengguna komersial, industri dan bangunan-bangunan pejabat. Menurut Izham, Maevi-B berupaya memberikan pengguna maklumat berkaitan nilai penggunaan tenaga elektrik mereka.

“Dengan adanya sistem ini, pemilik industri dapat melaksanakan pemantauan tenaga secara pintar seterusnya menggunakan data tersebut bagi penyesuaian terhadap revolusi industri 4.0 dan melakukan usaha-usaha kecekapan tenaga.”

Maevi-B menggunakan sistem integrasi berpusat "cloud-base" untuk menyediakan beberapa fungsi termasuk pantau, kawal dan paparan umum selain analisa bagi tujuan teknikal.

Majlis menandatangani MoU dan pelancaran Maevi B dibuat sempena Pameran Jiwa SME 2019. Di majlis yang sama Maevi turut mempamerkan kecekapan dan fungsi produk Maevi-B.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 8 Februari 2019, jam 9:45 pagi

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Norfadzilah Sha'ary di talian 019-3369681 /
Fazreen Eksan di talian 019-3160401 atau e-mel ke media@tnb.com.my*